

12 AUG 2002

KETUA MENTERI PUAS HATI PRESTASI EXCO DAN ADUN BN DI MELAKA

MELAKA, 12 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata beliau berpuas hati dengan prestasi Exco kerajaan negeri Melaka dalam melaksanakan tugas mereka.

"Saya juga berpuas hati dengan prestasi anggota Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional (BN) kerana mereka lakukan kerja mereka dengan sedaya upaya, " katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Teknologi dan Komunikasi di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan negeri sentiasa bersikap terbuka dengan menerima teguran serta aduan terutama daripada peringkat akar umbi.

"Menerusinya kami telah meningkatkan perkhidmatan terutama bagi mereka yang memerlukan rumah menerusi program bantuan perumahan untuk rakyat termiskin dan juga hal-hal kebajikan, " katanya.

Ditanya sama ada wakil rakyat yang terdapat sekarang dikekalkan pada pilihan raya akan datang, beliau berkata keputusan itu terletak pada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau bagaimanapun berkata masanya belum tiba untuk berbincang mengenai calon bagi pilihan raya akan datang kerana masih ada dua tahun lagi untuk wakil rakyat sekarang berkhidmat.

-- BERNAMA

NO RHM